

09 DEC 2001

Rumah Terbuka

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI KERAJAAN PERSEKUTUAN DI JOHOR BAHARU

KULIM, 9 Dis (Bernama) -- Majlis rumah terbuka Aidilfitri Kerajaan Persekutuan di Dataran Johor Baharu pada 21 Dis ini dijangka dikunjungi kira-kira 50,000 rakyat Singapura.

Selain itu, pemimpin-pemimpin kerajaan Singapura juga dijangka menghadiri majlis itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini berkata kementerian akan membuat promosi majlis di semua media cetak dan elektronik di Singapura.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri masing-masing akan menjadi tuan rumah utama pada majlis itu yang dijangka dapat menarik lebih 100,000 orang pengunjung, katanya kepada media selepas menyampaikan Skim Bantuan Sara Hidup di bawah Program Peningkatan Kesejahteraan Rakyat Risda, di sini.

Abdul Kadir berkata beliau akan ke Singapura hari ini untuk menemui pemimpin-pemimpin kerajaan negara itu bagi menyampaikan jemputan ke majlis tersebut.

Ini adalah kali kedua majlis rumah terbuka Aidilfitri kerajaan persekutuan diadakan dengan yang pertama di Istana Budaya Kuala Lumpur tahun lepas.

Abdul Kadir juga berkata buat kali pertama rumah terbuka Kerajaan Persekutuan bagi Krismas akan diadakan di Istana Budaya Kuala Lumpur tahun ini.

Beliau berkata rumah terbuka Tahun Baru Cina kerajaan persekutuan bagi tahun depan akan diadakan di Lembah Kinta, Ipoh setelah yang pertama diadakan di Pulau Pinang, tahun ini.

-- BERNAMA

AP JM NAK